



Ruj.Kami : JANM.JHR-600/1/2/16 JLD 2 ( )

Tarikh : 06 Disember 2023

22 JamadilAwal 1445H

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **SURAT PERINGATAN: TINDAKAN KE ATAS TRANSAKSI INVOIS BELUM DIBAYAR KOD A0481101 (AKAUN BELUM TERIMA) SEHINGGA 30 NOVEMBER 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Invois (dijana melalui sistem iGFMAS) yang telah dikeluarkan oleh pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sehingga 30 November 2023, tetapi masih belum dijelaskan pembayarannya oleh pelanggan dan berstatus Akaun Belum Terima (ABT). Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 – Pengurusan Akaun Belum Terima, semua Pegawai Pengawal dan Pemungut adalah bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk ABT. Bagi mana-mana pegawai yang bertanggungjawab ke atas tunggakan ABT serta gagal mengambil tindakan mengutip balik tunggakan boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan segera ke atas transaksi Invois seperti di **Lampiran I** dan mengemaskini status tindakan yang telah diambil ke atas semua transaksi selewat-lewatnya pada **14 DISEMBER 2023** melalui pautan berikut: <https://bit.ly/ABT30NOVEMBER2023> . Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Azianty Bt Yunos di talian 07-2249244 samb. 1061 atau secara e-mel [akaun\\_jhr@anm.gov.my](mailto:akaun_jhr@anm.gov.my)

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized loop followed by several vertical strokes.

**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A(M))**  
Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah  
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Negeri Johor

Pengarah  
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Batu Pahat

Pengarah  
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Kluang

Pengarah  
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta Segamat

Pengarah  
Jabatan Perikanan Johor

Pengarah  
Jabatan Kimia Malaysia Negeri Johor

Pengarah  
Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim

Pengarah  
Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn

Pengarah  
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru

Pengarah  
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Pengarah  
Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi

Pengarah  
Hospital Sultan Ismail

Pengarah  
Hospital Permai

Pengarah  
Politeknik Ibrahim Sultan

Pengarah  
Politeknik Mersing

Pengarah  
Kolej Komuniti Segamat 2